



RABBANI

BULETIN ILDAN

ربانی

Institut Latihan Darul Naim | Ogos 2022 | Bil. 18/2-2022



18+ TUJUAN UTAMA
PENDIDIKAN ISLAM

27 KONSEP KASIH SAYANG
DALAM PSIKOLOGI PENDIDIKAN ISLAM

BUDAYA KOMUNITI RABBANI (K-RABB) DILANCARKAN



“ Didiklah anak-anak supaya menjadi orang yang bersifat Rabbani iaitu hamba kepada pencipta-Nya agar melahirkan generasi yang berilmu bagi memakmurkan dunia dan hidup di bumi ini dalam keadaan sejahtera ”

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI HASSAN BIN DATO' HAJI HASSAN



Tujuan utama PENDIDIKAN ISLAM

Oleh : Dr. Noor Hisham Md Nawi
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

Falsafah pendidikan Islam berasaskan kepada dasar dan nilai roh al-Quran yang bertunjangkan empat rukun berikut :

1. Iman yang teguh kepada Allah dan rasul, malaikat, syurga, neraka dan hari kebangkitan.
2. Akhlak yang baik dan mulia.
3. Berilmu dengan erti yang menyeluruh mengenai ilmu dunia dan akhirat.
4. Amal soleh di dunia dan diakhirkat.

Menurut Abdul Ghani Shamsuddin dalam Abdul Halim el-Muhammady (1994), Falsafah Pendidikan Islam perlu memiliki ciri-ciri beriku :

- Mempunyai keupayaan untuk mentajdid pemikiran dan kaedah berfikir.
- Mempunyai sifat terbuka terhadap pengalaman dan pendapat orang lain.
- Menggunakan pendekatan ilmiah dalam menerima, menghargai dan mengambil manfaat dari warisan luhur Islam di zaman silam.
- Memahami disiplin ilmu-ilmu Islam, aliran pemikiran setempat dan juga antarabangsa.
- Kemampuan merancang sukanan pelajaran berdasarkan bidang-bidang dan asas-asas yang telah disepakati dalam pendidikan Islam.

MEMBUAT PEMILIHAN TERHADAP GURU SECARA TELITI.

Dasar dan tujuan falsafah pendidikan Islam pada hakikatnya sama dengan dasar dan tujuan ajaran Islam itu sendiri. Keduanya berasal dari sumber yang sama iaitu al-Quran dan hadis. Dasar kajian falsafah pendidikan Islam adalah mengenai Pencipta, ciptaanNya, hubungan antara ciptaan dan Pencipta (ubudiyah), hubungan antara ciptaan sesamanya (muamalah dan sunnatullah) dan utusan yang menyampaikan risalah Pencipta. Menurut Al-Syaibani (1991), Falsafah pendidikan Islam dan kaitannya dengan pendidikan didasari oleh lima prinsip utama iaitu :

1. Pandangan terhadap alam
2. Pandangan terhadap manusia
3. Pandangan terhadap masyarakat
4. Pandangan terhadap ilmu
5. Pandangan terhadap akhlak.

Sebagai kesimpulan, falsafah pendidikan Islam memberi landasan kepada pelaksanaan dan sistem pendidikan yang meliputi tujuan, kandungan, kaedah, alat, cara penilaian, pentadbiran dan lain-lain yang berkait terus dengan pendidikan. Falsafah pendidikan Islam merupakan peletak dasar bagi kerangka sistem pendidikan yang seharusnya berfungsi sebagai cara untuk mengaplikasikan ajaran Islam di bidang pendidikan. Tujuannya seharusnya sama dengan tujuan yang akan dicapai oleh ajaran Islam itu sendiri. Dengan demikian, falsafat pendidikan Islam pada hakikatnya merupakan landasan dasar bagi penyusunan suatu sistem pendidikan Islam.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM : SUATU RUJUAN

Falsafah pendidikan Islam dalam perspektif ini adalah menjulkui kepada dasar dasar Pemimpin agama yang diwujuk, halalas, diwadik dan asas asasnya begantung dalam sistem pendidikan. Falsafah pendidikan Islam berimbiah dengan prinsip tauhid atau kebersamaan Tuhan. Prinsip ini tidak merumuskan bahawa hanya Allah satulah Tuhan yang mewujudkan seluruh makhluk, sedangkan isi kandungannya dan segalai makhluk wujud wujud. Justru, Allah adalah sejati-sungguh. Tuhan yang paling layak disembah dalam pendidikan Islam sebagaimana yang dikenalpasti kewujudan di dalam umat beragama dengan tujuan kebaikan dan kebahagiaan. Allah Kewujudan Allah pada akhirnya pernah ditulis, tiada pengakuan diri bersamaan sejaka mahluk dan mawjudat di dalam diri. Selain itu, Tuhan adalah simbol kewujudan dan kecemerlang Tuhan.

Bertitik tolak dan konsep tersebut, pendidikan Islam seharusnya mengurus kepada pemimpin agama dan pengukuhkan prinsip tauhid sebagai asas pendidikan sedaya upaya. Dosa, syaitan, kepadatuaan dan menghanyutkan konsep tauhid proses pemahaman dan pentadbiran dilakukan. Taib, wabbin dan sardil suatu proses berhantu dan untuk mengurusnya, kita mendidik seorang ibioterapi ikemanusiaan. Sebaliknya sembang dan bersejardin dengan menerapkan matlamat kewujudanmayor. Melalui ahli-Augustinus (1999), taib merupakan berhantu dan proses berkelelawan dan pengakuhan yang dibentuk secara purba masih dalam diri manusia. Terminologi tempenting yang sebenar dari segala sesuatu dalam sistem pengajaran penciptaan yang berpembaharuan kepada perspektif ibioterapi ikemanusiaan.

keberadaan Tuhan dalam susunan '*being*' dan kewujudan. Kombinasi dua kalimah ini merumuskan bahawa sistem pendidikan Islam meletakkan potensi kemanusiaan dalam suatu wadah fitrah yang bersambungan dengan konsep ketuhanan. Ia menyatakan bahawa Allah adalah sebaik-baik pemelihara dan pengurus (*rabb*) dan Allah juga yang mendidik nabi Muhammad s.a.w dengan sebaik-baik didikan (*ahsana ta'dibi*).

Dengan rahmat dan kasih sayangNya, Allah telah mengutus para nabi dan rasul untuk mendidik umat manusia. Insan pilihan ini sangat istimewa kerana telah mendapat wahyu dan didikan secara langsung dariNya. Didikan tersebut begitu cemerlang sehingga melayakkan mereka untuk menjadi model terbilang dan contoh ikutan buat umat manusia pada zamannya. Bentuk pendidikan dan syariat setiap rasul berbeza antara satu sama lain berdasarkan kepada keperluan, perkembangan dan kematangan umat manusia ketika itu. Pun begitu, semua nabi dan rasul membawa risalah tauhid yang sama. Justeru, untuk membina sistem pendidikan terbaik, pembentukan falsafah seharusnya merujuk kepada pedoman dan panduan yang dibekalkan oleh para nabi dan rasul khususnya rasul yang terakhir dengan kitabnya yang teragung iaitu al-Quran. Ringkasnya, al-Quran dan al-Sunnah adalah teras pembentukan falsafah dan konsep Pendidikan Islam.

Melalui al-Quran al-Sunnah, manusia mengetahui bahawa visi dan misi kewujudannya adalah menjadi hamba Allah dan khalifah di muka bumi. Visi dan misi tersebut perlu dijayakan sekaligus tanpa mengabaikan salah satu daripadanya. Menjadi hamba Allah dan khalifah di muka bumi bermaksud mengurus diri dalam konteks ubudiyyah (hubungan vertikal) dan mengurus sumber daya insani dan alam (hubungan horizontal) dengan baik mengikut kehendakNya. Mengetahui peranan yang sepatutnya dimainkan sebagai hamba Allah dan khalifah bermula dengan mengenal diri. Persoalan yang mungkin timbul ialah mampu dan layakkah manusia menggalas tanggungjawab tersebut? Manusia memerlukan persiapan tertentu untuk melayakkan dirinya menerima status hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi. Untuk itu, Allah Yang Maha Bijaksana telah membekalkan manusia dengan persiapan yang terbaik iaitu ilmu. Allah telah mengajar nabi Adam a.s tentang nama segala benda. Dengan ilmu tersebut, nabi Adam mendapat penghormatan para malaikat dan seterusnya layak memikul amanah tersebut.

Dan Allah mengajarkan kepada Adam sekalian nama-nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat. lalu Allah berfirman : Khabarkanlah kepadaKu nama-nama benda ini jika kamu golongan yang benar.

(Al-Baqarah :31).

Konsep ubudiyyah (hamba Allah) dan istikhlas (khalifah di muka bumi) boleh diumpamakan sebagai mata pisau yang mempunyai dua belah sisi yang seimbang supaya dapat berfungsi dengan baik. Memahami perkara tersebut, konsep pendidikan Islam seharusnya bermatlamatkan untuk melahirkan insan yang mampu berperanan sebagai hamba Allah yang bertaqwah dan khalifah yang berketrampilan dengan membina seluruh potensi diri dan seterunya memanfaatkan seluruh khazanah alam bagi memakmurkan dunia dalam kerangka ubudiyyah kepadaNya.

Untuk menjadi hamba Allah dan khalifah yang berkesan, manusia perlu melengkapkan dirinya dengan ilmu. Dalam Islam, semua sumber ilmu datangnya dari Allah. Manusia memperolehinya melalui dua cara utama samada menerusi wahyu yang bersifat 'tauqifiyyah' (kebenaran mutlak) atau melalui alam ciptaanNya yang bersifat 'taufiqiyyah' (kebenaran relatif). Justeru, ilmu yang sempurna adalah milik Allah. Menurut perspektif Islam, ilmu dikenali sebagai sifat, proses dan hasil. Oleh yang demikian, Islam tidak mengakui sebarang pertentangan antara proses dan kandungan. Prof. al-Attas (1978) mentakrifkan ilmu sebagai ketibaan makna bagi sesuatu ke dalam diri seseorang. Jika merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu. Takrifan ini membawa maksud bahawa Allah adalah sumber sebenar ilmu dan manusia adalah makhluk aktif yang berusaha mendapatkan ilmu. Ilmu yang dimaksudkan perlu memiliki dua ciri asas iaitu maklumat yang benar dan memberi makna kepada pemiliknya.

Dalam kitab al-Aqaid al-Nasafiyyah (manuskrip Melayu tertua - abad 16M) dinyatakan bahawa terdapat tiga saluran untuk memperolehi ilmu iaitu pancaindera yang lima, khabar sadiq (berita benar) dan akal. Sebahagian besar ilmuan Islam pula mengklasifikasikan sumber ilmu kepada lima iaitu pancaindera, akal, intuisi, ilham dan wahyu. Dua yang terawal berada dalam domain empirikal dan tiga yang terakhir berada dalam domain metafizik. Dengan menyepadukan sumber metafizik dengan sumber empirikal dalam satu bentuk hierarki yang berlandaskan paradigma tauhid, tradisi keilmuan yang berdasarkan epistemologi Islam bebas daripada tiga permasalahan besar yang melanda tradisi keilmuan Barat moden iaitu masalah pandangan atomisme (juz'i), pandangan dualisme (pemisahan kepada dua) dan pandangan skeptisme (keraguan). ■